PERBADANAN ASET KERETAPI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

TARIKH: 12 NOVEMBER 2026

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam **gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran** yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:

<table>
<tr><td>BUTIR-BUTIR PELAWAAN</td><td colspan="2"><u>NO. SEBUT HARGA: RAC.K-B/12/26</u>
SEBUT HARGA KERJA-KERJA PEMBERSIHAN KAWASAN, SEMAK SAMUN, RUMPUT RAMPAI, POKOK SERTA KEJA PENYELENGGARAAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DIATAS TANAH PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) DI NEGERI KEDAH DAN PERLIS BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN</td></tr>
<tr><td rowspan="3">SYARAT PENYERTAAN PELAWAAN</td><td colspan="2">STATUS:
Bumiputera
Gred: G3
(Negeri Berkenaan – Kedah & Perlis Sahaja)</td></tr>
<tr><td>Pengkhususan wajib:
CE21 – Pembinaan Kejuruteraan Awam</td><td>Kod Bidang MOF:
221002 – Membersih Kawasan; dan
221003 – Mengangkat Sampah</td></tr>
<tr><td colspan="2">Nota: Kebenaran khas tidak dibenarkan untuk pengkhususan bidang kerja yang telah ditetapkan.</td></tr>
<tr><td>PENJUALAN DOKUMEN DAN TARIKH PEMBELIAN</td><td colspan="2">1. HARGA DOKUMEN: RM50.00 (Tidak akan Dikembalikan) – Pembayaran melalui Perbankan Atas Talian ke atas nama PERBADANAN ASET KERETAPI
2. TARIKH JUALAN DOKUMEN: 18 November 2026 (Rabu) – 1 Disember 2026 (Selasa)
3. TARIKH MUAT TURUN DOKUMEN: 23 November 2026 (Isnin) – 1 Disember 2026 (Selasa)

CATATAN: Dokumen akan diberi melalui storan dalam talian (Cloud). Pautan muat turun Dokumen dan kata laluan akan diberikan setelah Petender mengemukakan bukti slip transaksi bayaran.</td></tr>
<tr><td>MAKLUMAT TAKLIMAT TAPAK DAN LAWATAN TAPAK</td><td><u>TAKLIMAT SEBUT HARGA</u>
Lokasi : Pejabat Urusan Wilayah Utara G-21, Pusat Perniagaan Perdana Jaya, Jalan Permatang Rawa, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
Tarikh : 18 November 2026 (Rabu)
Masa : 3.30 Petang

Pembida adalah <u>DIWAJIBKAN</u> untuk menghadiri sesi <u>TAKLIMAT</u></td><td>Pembida adalah <u>DIWAJIBKAN</u> untuk menghadiri sesi <u>TAKLIMAT</u> seperti ketetapan berikut:

i) Hanya syarikat yang telah memenuhi syarat pendaftaran yang ditetapkan adalah layak untuk menyertai taklimat Sebut Harga;
ii) Bagi sesi taklimat, hanya penama yang tercatat dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Pengkhususan CIDB – CE21 (pembinaan kejuruteraan Awam) yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat. Syarikat tidak boleh menghantar wakil selain penama dalam Sijil PPK, SPKK dan CIDB-CE21;
iii) Sila bawa bersama Sijil PPK (ASAL), Sijil SPKK (ASAL), Sijil Pematuhan Cukai (TCC), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Taraf Bumiputera (STB), Sijil MOF (ASAL) berserta satu SALINAN bagi setiap sijil tersebut juga Surat perwakilan Kuasa yang ditandatangani penama syarikat (jika berkenaan) dan cop syarikat;
iv) Sijil akuan pendaftaran syarikat dengan MOF hendaklah masih berkuat kuasa sekurang- kurangnya melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tutup Sebut Harga.</td></tr>
</table>

PEMBAYARAN DAN RESIT	1. Hanya pembida yang telah menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak Sebut Harga boleh membuat pembayaran secara atas talian dalam tempoh penjualan yang telah ditetapkan. Slip bayaran perlu dikemukakan melalui emel kepada payment.perolehan@rac.gov.my dan disalinkan kepada finance@rac.gov.my sebagai bukti pembayaran. 2. Sebarang pertanyaan berkaitan tender ini hendaklah dihantar melalui e-mel kepada inquiry.perolehan@rac.gov.my.
LOKASI, TARIKH DAN WAKTU PELAWAAN DITUTUP	Sebarang kelewatan dalam penghantaran dokumen sebut harga tidak akan diterima. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Sebut Harga di penjuru kiri sebelah atas sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :- **Ketua Pegawai Eksekutif,** **Perbadanan Aset Keretapi,** **27-1, Sentral RAC,** **No.16 Jalan Tun Sambanthan,** **Brickfields,** **50470 Kuala Lumpur** **SEBELUM ATAU PADA TARIKH** **2 DISEMBER 2026 (SELASA) TIDAK LEWAT DARI PUKUL 12.00 TENGAH HARI**